

Helah

Premis simpan
barang seludup
sindiket kena serbu

terbongkar

JOHOR BAHRU: Helah satu sindiket menjadikan sebuah rumah di Taman Delima, Kluang, di sini, sebagai stor tempat menyimpan barangan seludup terbongkar apabila sepasukan anggota dan pegawai Kastam Pencegahan Johor (Pasukan Gerak Cepat — PGC) menyerbu premis kediaman itu, pagi kelmarin.

Ketika serbuan kira-kira jam 6 pagi itu, premis itu didapati tidak berpenghuni, namun hasil pemeriksaan rapi pasukan terbabit berjaya menemui minuman keras dan mercun pelbagai jenis bernilai kira-kira RM256,000 termasuk cukai.

Pengarah Kastam Diraja Malaysia (KDRM) Johor, Datuk Halimah Salleh, berkata premis itu menyimpan 1,400 karton atau 33,600 tin minuman keras berjenama Carlsberg dianggarkan bernilai RM84,000 serta cukai kira-kira RM165,900 dan 15 kanton mercun pelbagai jenis bernilai RM6,000 serta cukai RM3,900.

“Bertindak hasil maklumat serta risikan, pasukan PGC Kastam Johor menyerbu premis terbabit sebelum menemui bir dan mercun yang

dipercayai tidak mendapat kelulusan kastam disimpan di situ.

“Walaupun ketika serbuan rumah itu tidak berpenghuni, hasil siasatan lanjut, kita berjaya menahan dua lelaki berusia dalam lingkungan 30-an, dipercayai penyewa rumah terbabit untuk membantu siasatan,” katanya dalam sidang akhbar di pejabatnya di sini, semalam.

Bir adalah komoditi yang hanya boleh diimport dengan satu lesen import yang dikeluarkan oleh atau di bawah arahan Ketua Pengarah Kastam, manakala barangan mercun adalah barang larangan import yang memerlukan permit polis untuk mengimportnya.

Halimah berkata, sehubungan itu, dua lelaki terbabit akan disiasat atas kesalahan mengikut Seksyen 135(1)(g) Akta Kastam 1967 kerana cuba melakukan penipuan duti kastam atau larangan import.

Katanya, jika sabit kesalahan, mereka yang disyaki terbabit boleh dikenakan denda tidak kurang 10 kali ganda daripada jumlah duti kastam/nilai barang dan tidak lebih daripada 20 kali ganda jumlah duti kastam/nilai barang atau kedua-duanya sekali.

Selain itu, katanya, pada

bulan ini KDRM Johor turut menumpaskan penyeludupan bir di Pelabuhan Pasir Gudang apabila menemui minuman keras bernilai RM72,000 dengan cukai yang cuba dielakkan, bernilai kira-kira RM146,000 pada 15 Jun lalu.

“Kita juga menahan sebuah trailer yang cuba menyeludup rokok putih jenama Marlboro bernilai RM540,000 serta cukai RM1.2 juta dalam serbuan di Kilometer 145, Lebuhraya Utara Selatan, berhampiran Pagoh pada 19 Jun lalu,” katanya.

Sementara itu, Halimah berkata, untuk tempoh Januari sehingga Mei lalu, KDRM Johor menumpaskan sebanyak 61 kes penyeludupan rokok bernilai RM6.7 juta dengan jumlah cukai sebanyak RM14.6 juta, diikuti sebanyak 56 kes penyeludupan kenderaan bernilai RM909,000 dengan jumlah cukai kira-kira RM486,000.

Selain itu, KDRM Johor memperoleh sebanyak 26 kes penyeludupan paip dan keluli bernilai kira-kira RM838,000 dengan jumlah cukai bernilai RM240,000 serta 23 kes penyeludupan minuman keras membabitkan nilai sebanyak RM497,000 dengan jumlah cukai sebanyak RM965,500.



BERJAYA... Halimah (tengah) bersama sebahagian barangan yang dirampas di sebuah rumah di Taman Delima, Kluang.